

PRESS RELEASE

24 JUNE 2023

ALAM FLORA BRINGS FORTH ITS SUSTAINABLE AGENDA THROUGH 'SUSTAINABILITY HUNT 2023'

PUTRAJAYA, 24 June 2023 – With just one and a half years remaining to achieve the 12th Malaysia Plan's target of 40% recycling rate by 2025, Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora), has reaffirmed its conviction for environmental-related aspirations by making sustainability a core value in its services as part of its efforts to lead Malaysia's transformation from a linear to circular economy.

Encompassing Environmental, Social and Governance (ESG) aspects across its value chain, Alam Flora has already implemented successful initiatives and educational programmes on waste management and diversion which includes its highly anticipated signature annual event, 'Sustainability Hunt'.

Organised for the second consecutive year, Sustainability Hunt aims to foster community participation and cultivate environmental awareness through education. Aside from the public, media practitioners, social media community networks, Key Opinion Leaders (KOLs), influencers and bloggers are invited to leverage on their rapport and fame to highlight the positive impacts of sustainability efforts and the current issues surrounding it.

This year, participants are expected to be immersed with a comprehensive understanding of environmental sustainability and its importance in shaping a greener and more sustainable future in hopes it can empower and equip them with knowledge and practical tips on waste reduction, recycling, energy conservation, and sustainable lifestyle choices.

"We are thrilled to organise Sustainability Hunt 2023 as part of our commitment in promoting environmental sustainability," said Dato' Mohd Zain Hassan, Chief Executive Officer at Alam Flora.

"By engaging the public, media practitioners, KOLs, influencers, and bloggers, we aim to maximise our reach and create a powerful platform to raise awareness about environmental issues. Together, we can inspire positive change and drive a collective action towards a more sustainable future."



He said this after the flag-off officiation of 35 participants at Fasilitas Inovasi Kitar Semula (FIKS), Putrajaya consisting of three celebrities, three participants from the mainstream media, eight bloggers, 13 KOLs or influencers and eight members of the public. All participants in Sustainability Hunt 2023 must write an article or caption related to the sustainability task at 5 checkpoints, upload photos or videos on their respective social media platforms with the hashtag **#AlamFloraSustainabilityHunt2023 #WorldEnvironmentDay #JomRawatBumi #EnhancingLifeEnrichingCommunities**.

The first-place winners in each category (Mainstream Media, Bloggers, KOLs, Influencers, and the Public) will receive a cash prize of RM500. The second-place winners will be awarded with RM300, while the third-place winners will receive RM150 and six consolation prizes for special categories such as Best Caption and Most Creative Instastory.

- Ends -

ABOUT ALAM FLORA SDN BHD:

Incorporated in 1995, Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) is one of the leading environmental management companies in Malaysia that is dedicated to serving communities to manage and reduce waste with minimal environmental impact. Alam Flora is a wholly-owned subsidiary of Malakoff Corporation Berhad. Being one of the largest concession holders of Malaysia's national solid waste management and public cleansing privatization project, Alam Flora provides comprehensive waste management services to several concession areas in certain regions of Peninsular Malaysia, the Federal Territory of Kuala Lumpur and Putrajaya, and Pahang.

For more information, please contact:

Communications & Branding Department, Alam Flora Sdn. Bhd

Farizan Hj. Yop | Assistant Manager | HP: 019.601.1678 | farizan@alamflora.com.my

Haziqah Anuar | Senior Executive | HP: 012.229.4878 haziqah@alamflora.com.my

SIARAN MEDIA

24 JUN 2023

ALAM FLORA MEMBAWA AGENDA KEMAMPAHAN MELALUI 'SUSTAINABILITY HUNT 2023'

PUTRAJAYA, 24 Jun 2023 – Dengan berbaki satu setengah tahun lagi untuk mencapai sasaran Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu 40% kadar kitar semula menjelang 2025, Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora) mengukuhkan matlamat syarikat untuk menjadikan kelestarian sebagai nilai teras. Selain itu, ianya juga merupakan sebahagian daripada usaha Alam Flora yang menyahut hasrat kerajaan dalam transformasi Malaysia daripada ekonomi linear kepada ekonomi sirkular.

Merangkumi aspek Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dengan merentas rantaian nilainya, Alam Flora telah berjaya melaksanakan inisiatif dan program pendidikan mengenai pengurusan sisa pepejal dan pengalihan sisa yang termasuk program tahunan yang sangat dinanti-nantikan saban tahun iaitu 'Sustainability Hunt'.

Dianjurkan buat tahun kedua berturut-turut, 'Sustainability Hunt' bertujuan untuk memupuk penglibatan masyarakat dan kesedaran alam sekitar melalui pendidikan. Selain daripada orang ramai, pengamal media, rangkaian komuniti media sosial, 'Key Opinion Leaders' (KOL), pempengaruh dan penulis blog turut menyertai program ini dan memanfaatkan platform media sosial dan publisiti masing-masing, dengan mempamerkan impak positif usaha dan isu-isu berkaitan kelestarian alam.

Pada tahun ini, para peserta akan diberikan pemahaman yang komprehensif tentang kelestarian alam sekitar dan kepentingannya dalam membentuk masa depan yang bertemakan kehijauan dan lebih mampan dengan harapan ia dapat memperkasa dan melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan petua yang praktikal mengenai pengurangan sisa, kitar semula, pemuliharaan tenaga, dan pilihan gaya hidup mampan.

"Kami sangat teruja menganjurkan Sustainability Hunt 2023 sebagai sebahagian daripada komitmen kami dalam mempromosikan kelestarian alam sekitar," kata Dato' Mohd Zain Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif di Alam Flora.

"Dengan melibatkan orang ramai, pengamal media, KOL, pempengaruh dan penulis blog, kami mensasarkan untuk memaksimumkan capaian kami dan mewujudkan platform yang

berupaya untuk meningkatkan kesedaran tentang isu alam sekitar. Bersama-sama, kita dapat memberi inspirasi kepada perubahan positif dan memacu tindakan secara kolektif ke arah masa depan yang lebih mampan.”

Beliau berkata demikian selepas merasmikan 35 peserta Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS), Putrajaya yang terdiri daripada tiga selebriti, tiga peserta ‘mainstream media’, lapan penulis blog, 13 KOL atau pengengaruh dan lapan orang awam. Semua peserta dalam Sustainability Hunt 2023 harus menulis artikel atau kapsyen yang berkaitan dengan tugas kemampanan di lima ‘checkpoints’, memuat naik foto atau video di platform media sosial masing-masing dengan hashtag **#AlamFloraSustainabilityHunt2023 #WorldEnvironmentDay #JomRawatBumi #EnhancingLifeEnrichingCommunities**.

Pemenang tempat pertama dalam setiap kategori (‘Mainstream Media’, Penulis Blog, KOL, Pengengaruh, dan Orang Awam) akan menerima hadiah wang tunai RM500. Pemenang tempat kedua akan menerima RM300, manakala tempat ketiga akan menerima RM150. Terdapat 6 hadiah sampingan untuk kategori seperti Kapsyen Terbaik dan Instastory Paling Kreatif.

- Tamat -

MENGENAI ALAM FLORA SDN BHD:

Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), adalah anak syarikat Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), yang ditubuhkan bagi memodenkan pengurusan sisa pepejal di Malaysia serta meningkatkan kecekapan dan mutu pengurusan sisa pepejal daripada peringkat penjanaan sisa sehingga ke proses pelupusan sampah. Alam Flora merupakan salah sebuah syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negara ini yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan di kawasan Tengah dan Pantai Timur Semenanjung, meliputi seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Jabatan Komunikasi Korporat & Penjenamaan, Alam Flora Sdn. Bhd

Farizan Hj. Yop | Penolong Pengurus | HP: 019.601.1678 | farizan@alamflora.com.my

Haziqah Anuar | Eksekutif Kanan | HP: 012.229.4878 haziqah@alamflora.com.my